

Pertandingan Menulis Puisi Anti-Rasuah UKM 2010

Dimaklumkan bahawa Pusat Kebudayaan, Jabatan Perkhidmatan Pelajar dengan kerjasama Sekretariat Pencegahan Rasuah UKM akan mengadakan **Pertandingan Menulis Puisi Anti Rasuah UKM 2010**. Pertandingan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penulisan kreatif serta mengumpul hasil karya puisi mahasiswa/I UKM dalam usaha menerbitkan **Buku Antologi Puisi ANTI-RASUAH UKM**. Sehubungan dengan itu, individu yang berminat untuk menyertai pertandingan ini, syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada siswa-siswi **sepenuh masa** di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
2. Tema puisi yang dipertandingkan adalah berdasarkan tema yang diberi iaitu berkaitan **anti-rasuah** dan **integriti**.
3. Puisi yang dipertandingkan haruslah **hasil karya** dan **ciptaan sendiri sahaja**, yang belum pernah dibukukan atau diterbitkan oleh mana-mana penerbit.
4. Puisi yang dihasilkan juga haruslah sepenuhnya menggunakan **Bahasa Melayu**. Bait-bait puisi yang mengandungi unsur negatif, provokasi, unsur lucah, unsur keganasan yang berlebihan, cacian dan maki hamun atau penggunaan bahasa kasar dan carut yang boleh menjejaskan imej mahasiswa, menggugat ketenteraman awam, keselamatan Negara, nilai keagamaan, moral, etika dan budaya bangsa adalah **dilarang**.
5. Keputusan panel juri adalah **muktamad** dan sebarang bantahan selepas keputusan diumumkan tidak akan dilayan.
6. Sekiranya syarat-syarat yang tersebut di atas tidak dipatuhi, pihak juri berhak membuat keputusan bahawa puisi tersebut **tidak diambil kira** untuk pemarkahan.

Peserta adalah layak menghantar seberapa banyak puisi yang ingin dipertandingkan. Peserta yang ingin menyertai pertandingan ini hendaklah melengkapkan borang penyertaan seperti yang dilampirkan dan menghubungi pihak urusetia bagi mengesahkan penyertaan. Borang penyertaan beserta puisi yang ingin dipertandingkan hendaklah sampai kepada pihak penganjur **sebelum 16 Julai 2010**. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh merujuk kepada urusetia di alamat :

Urusetia,

PERTANDINGAN MENULIS PUISI ANTI-RASUAH UKM 2010

Pusat Kebudayaan,

Jabatan Perkhidmatan Pelajar,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor.

(u.p : **Puan Noor Faliza Hanim Roslan**)

No.Telefon : **03-89214739/5342**

No. Fax : **03-89258810**

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENULIS PUISI ANTI-RASUAH UKM 2010**

Urusetia,
PERTANDINGAN MENULIS PUISI ANTI-RASUAH UKM 2010
Pusat Kebudayaan,
Jabatan Perkhidmatan Pelajar,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.

No.Telefon : **03-89214739/5342**
No. Fax : **03-89258810**

Dengan ini saya _____ bersetuju/ tidak bersetuju
menyertai **Pertandingan Menulis Puisi Anti-Rasuah UKM 2010**.

MAKLUMAT PESERTA

1. Nama Peserta : _____
2. No. Matrik : _____
3. No. Telefon Bimbit : _____
4. Jantina : _____
5. Tajuk Puisi : _____

Pengakuan : Saya bersetuju akan mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

(Tandatangan)

Tarikh : _____